

SMK Mutiara ‘Tumbangkan’ Dua Lembu



Labuan, 1 Ogos – Guru-guru SMK Mutiara dengan kerjasama Persatuan Anak Negeri Terengganu Cawangan WP Labuan (PANTAS) telah berjaya ‘menumbangkan’ dua ekor lembu korban sempena sambutan aidiladha tahun ini.

Proses penyembelihan telah dilaksanakan pada jam 9.30 pagi di Rumah Sembelihan Ruminan di Kampung Patau-Patau. Lembu korban seterusnya dibawa ke SMK Mutiara untuk proses pemotongan dan pengagihan.

Seramai 39 guru dan ibubapa telah datang meluangkan masa bergotong royong memotong dan mengagihkan daging korban yang bermula jam 10.30 pagi. Kerja kerja ibadat korban pada tahun ini diketuai oleh Ustaz Zainal bin Abdul Wahab.

Menurut beliau, seekor lembu telah disumbangkan oleh Syarikat Marsa Collection yang beroperasi di Labuan manakala seekor lagi adalah sumbangan para peserta korban

yang terdiri daripada guru dan ibubapa murid seramai 7 orang.

Mereka yang menyertai ibadah korban kali ini ialah Ustaz Zainal Abdul Wahab dan Ustaz Mohd Saifullizan Yasim dari SMK Mutiara, Haji Mohd Nasrudin Haji Nawawi dan Mohd Rasyidin Siron dari Syarikat Eastro Ventures Sdn Bhd, Cikgu Suhaimi dan Cikgu Mizlan dari SMKTaman Perumahan Bedaun dan Salahuddin Mohamad dari PTTEP Malaysia serta Mohd Zam Omar dari Syarikat Petra Resources Sdn Bhd.

“Ibadat korban pada tahun ini agak berbeza kerana kita masih lagi dalam tempoh PKPP dan perlu patuh kepada semua SOP yang telah diwartakan. Kita perlu menghadkan kepada 40 orang sahaja yang datang membantu kerja-kerja memotong dan mengagihkan daging korban kali ini. Namun begitu suasana tetap meriah dan lebih penting lagi ialah penghayatan kepada ibadah korban itu sendiri ” katanya lagi.

Pengetua SMK Mutiara, Encik Mohd Nizam bin Yasim turut hadir menyaksikan gotong royong yang telah diadakan di ruang kantin sekolah.

“ Acara ini adalah sebahagian daripada tradisi di sekolah ini. Para guru dan kakitangan telah bekerja bersama-sama sejak seminggu lalu bagi memastikan acara tahun ini berjalan lancar dengan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh MKN” ujar beliau lagi.



Pengetua menyampaikan agihan daging korban kepada salah seorang murid sambil diperhatikan oleh Ustaz Zainal dan Encik Salahudin.

Seramai 30 murid terpilih untuk menerima agihan daging korban kali ini. Mereka terdiri daripada murid-murid SMK Mutiara telah dipilih berdasarkan kriteria-kriteria yang digariskan dalam syariat Islam.

Salah seorang penerima, adik Ain Haziqah Mohd Rasyidin melahirkan rasa syukur atas rezeki yang diterima dan berharap agar Allah mengunugerahkan pahala kepada para peserta korban.

Daging korban turut diagih-agihkan kepada mereka yang layak termasuk kepada pekerja pekerja keselamatan dan kebersihan di sekolah.

Turut hadir dalam gotong royong ialah Encik Salahuddin Bin Mohamad, pengurus syarikat Marsa Collection dan Puan Mizan Adlia binti Mohd Shoib, Pengerusi Kelab Keluarga SMK Mutiara.



Daging korban sedang dipotong untuk diagihkan kepada mereka yang layak



Guru dan ibubapa bekerjasama untuk membahagi-bahagikan daging korban.



Pengetua menyampaikan agihan daging korban kepada Encik Karim, pekerja pembersihan di SMK Mutiara.